

Membawa MSC Malaysia ke persada dunia

UM-17/5/2007

Oleh MOHD. RIDZWAN MD. IMAN

TEMPOH 11 tahun mungkin satu tempoh yang agak pendek jika hendak diukur suatu kejayaan bagi suatu projek yang besar. Jika seorang kanak-kanak dilahirkan, pada usia tersebut ia hanya baru berada di sekolah rendah dan tentunya kita masih tidak dapat menilai sejauh mana kejayaannya.

Bagaimanapun, bagi projek Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia, tempoh 11 tahun yang telah berlalu sejak projek itu dimulakan pada 1996, telah banyak kejayaan atau potensi kejayaan yang dapat disaksikan untuk negara ini.

Daripada sebuah negara yang hanya terkenal dengan aktiviti pertanian dan perindustrian, projek MSC Malaysia yang berjaya mengubah landskap aktiviti ekonomi negara kepada suatu aktiviti yang mempunyai nilai tambah dalam setiap sektor.

Sehingga akhir Januari lepas, 1,805 syarikat telah diluluskan untuk mendapat gelaran syarikat berstatus MSC Malaysia dengan 85 daripadanya merupakan syarikat bertaraf dunia.

Kejayaan ini sebenarnya bermula di Cyberjaya, satu kawasan yang asalnya ada-

lah sebuah ladang kelapa sawit dan kini telah berubah menjadi bandar pintar serta menjadi nukleus pembangunan teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT) di negara ini.

Tidak cukup dengan itu, projek MSC Malaysia yang pada awalnya berada di sekitar Cyberjaya dan Kuala Lumpur City Centre (KLCC) telah diperluaskan dalam Fasa kedua dengan menghubungkan beberapa bandar lagi di negara ini seperti Pulau Pinang, Kulim, Kedah, Johor Bahru dan sebagainya.

Kemudahan prasarana tersebut telah digunakan dengan meluas untuk menyebarkan pelbagai aplikasi perdana seperti e-kerajaan, sekolah pintar, teleperubatan dan kad pintar.

Bagaimanapun, perkembangan fasa kedua MSC tidak hanya akan merantaikan seluruh negara tetapi juga akan diperluaskan lagi sehingga ke seluruh dunia yang akan dilaksanakan sehingga 2010.

Dalam tempoh ini, empat atau lima bandar-bandar pintar di seluruh dunia akan dihubungkan ke MSC di Malaysia.

Bagi merealisasikan usaha ini, mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC Malaysia kali kesepuluh telah memilih tema 'Membawa MSC ke Peringkat Global - Membangunkan Prasarana Pengetahuan dan Menjana Bakat.'

Tema ini selari dengan Rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9) dan 'Misi Nasional' yang ingi memperkukuhkan kedudukan negara dalam pasaran dunia.

Ia boleh dicapai melalui pelaksanaan nilai tambah ekonomi, mempertingkatkan kapasiti pengetahuan dan inovasi dan membangunkan modal insan, selain mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat.

Untuk membawa MSC Malaysia ke peringkat global, terdapat pelbagai aplikasi MSC yang dibangunkan untuk rakyat negara ini sebenarnya berpotensi untuk diperkembangkan ke peringkat dunia, malahan terdapat juga yang telah diterima di beberapa negara seperti aplikasi teknologi kad pintar, dan e-kerajaan.

Kesemua agenda ini akan diperbincangkan oleh pakar-pakar pembangunan ICT dunia dan tempatan yang akan sekali lagi bersidang di Pusat Konvensyen Putrajaya, Putrajaya melalui satu mesyuarat yang unik dikenali sebagai Mesyuarat Panel IAP-MSC.

Ia dikatakan unik kerana tidak akan satu negara di mana-mana dunia ini yang berjaya mengumpul tokoh-tokoh ICT Malaysia yang mewakili hampir kesemua syarikat-syarikat teknologi terkenal dunia dalam satu mesyuarat.

Walaupun sesetengah daripada syarikat-syarikat ini merupakan pesaing dalam pasaran tetapi mereka sanggup mengeneipikan sentimen persaingan itu untuk sama-sama memberi input dan idea kepada Malaysia untuk menjayakan wawasan ICTnya.

Ahli-ahli IAP-MSC merupakan pemimpin syarikat-syarikat ICT Malaysia terkenal dunia, ahli akademik, juruperunding antarabangsa dan sebagainya yang menjadi ahli panel untuk perbincangan mengenai perkembangan ICT di Malaysia.

Sejak mesyuarat pertama tersebut diadakan di Stanford University, Palo Alto, California pada 15 Januari 1997, kesemua tokoh-tokoh ICT tersebut begitu komited dalam membincangkan aspirasi besar sebuah negara kecil yang terletak di rantau Asia Tenggara ini.

Wakil syarikat-syarikat besar seperti Dr. John Gage dari Sun Microsystems, Nasanobu Suzuki dari NTT Communications Corporation, Greg Lang dari Integrated Device Technology Inc., Robert Madge dari IDtract, Dr. Gilbert F. Amelio dari Jazz Technologies Inc., Dr. Ya-Qin Zhang dari Microsoft Corporation dan sebagainya akan sekali lagi bertemu dalam mesyuarat IAP-MSC.

Panel IAP-MSC Malaysia ini setiap

tahun akan membincangkan perkembangan terkini dalam dunia ICT di samping memberikan idea-idea untuk hala tuju dan strategi pembangunan ICT negara agar ia mampu memberi faedah kepada rakyat negara ini dan juga dunia.

Pembangunan modal insan merupakan isu yang diberi penekanan dalam mesyuarat kali ini memandangkan ia merupakan kunci utama kepada mana-mana negara yang ingin menjadi sebuah negara maju.

Setakat ini, ia telah dilaksanakan dengan turut menjadikan universiti-universiti sebagai institusi berstatus MSC Malaysia di samping melaksanakan pelbagai program memaklumkan masyarakat.

Sehingga kini, rakyat Malaysia telah menikmati sebahagian besar faedah daripada pelaksanaan MSC Malaysia walaupun sebahagian daripada mereka masih tidak menyedarinya.

Aplikasi e-kerajaan, kad pintar pelbagai guna, sekolah pintar dan sebagainya merupakan teknologi yang telah menjadi realiti walaupun sebelum ini ia hanya merupakan teknologi yang hanya mampu kita tonton di kaca televisyen atau layar perak sahaja.